



ASASlpintar Universiti Kebangsaan Malaysia



**Teroka
Cipta
Bitara**



PENGENALAN

Dalam usaha memenuhi keperluan pembelajaran pelajar-pelajar pintar dan berbakat, kerajaan Malaysia telah membangunkan satu program khusus dikenali sebagai Program GENIUS@Pintar Negara (dahulunya dikenali sebagai Program PERMATAPintar® Negara). Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diberi mandat untuk membangun, melaksana dan memantau program ini yang telah dilancarkan pada 3 April 2009. Pusat GENIUS@Pintar Negara UKM merupakan satu-satunya pusat kecemerlangan di Malaysia yang bertanggungjawab mengenalpasti pelajar-pelajar pintar dan berbakat dari seluruh tanah air dan memberikan mereka peluang untuk mengembangkan potensi dan bakat mereka.

Pusat ini mempunyai empat (4) program utama iaitu Program Pencarian dan Pengurusan Bakat, Program Pengayaan, Kolej GENIUS@Pintar Negara, dan Program ASASIPintar UKM (Program pra- universiti). Suasana kondusif di pusat ini sangat sesuai bagi proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif bagi pelajar pintar dan berbakat. Pelbagai kaedah pengajaran digunakan seperti Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (IBL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), tutorial, Pembelajaran Koperatif dan kuliah dalam kumpulan kecil, bagi membolehkan pelajar mendapat perhatian terus dari tenaga pengajar.

MATLAMAT PROGRAM

1. Menyediakan pengalaman awal bagi pelajar ASASIPintar UKM untuk belajar di institusi pengajian tinggi sekaligus mendahului penguasaan bidang berbanding pelajar lain.
2. Untuk membangunkan generasi pelajar pintar berbakat yang dapat membudayakan inovasi, rekacipta dan memiliki kemahiran melakukan penyelidikan.
3. Mempunyai daya kepimpinan yang tinggi, bertanggungjawab dan mampu membuat keputusan yang berkesan berteraskan nilai-nilai baik dan beretika.
4. Meningkatkan kompetensi insaniah pelajar secara holistik dan dapat memberi sumbangan kepada negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

SYARAT KEMASUKAN

Memenuhi Syarat Am Universiti serta Keperluan Khas Program

1. Syarat kemasukan Program ASASIPintar UKM bagi Calon Luar
 - Warganegara Malaysia dan
 - Mendapat sekurang-kurangnya Gred A- dalam tujuh (7) mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Melayu
 - Bahasa Inggeris
 - Matematik
 - Matematik Tambahan
 - Biologi
 - Fizik
 - Kimia dan
 - Terbuka kepada calon Kategori A (SPM tahun semasa) dan calon kategori B (SPM bukan tahun semasa):
2. Syarat kemasukan program ASASIPintar UKM bagi calon program Pendidikan Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM
 - Warganegara Malaysia dan
 - Memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 di peringkat GENIUS@Pintar High School Diploma

PROGRAM ASASipintar UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Program ASASipintar UKM adalah program pra-universiti yang dikendalikan oleh Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia. Program ini telah diluluskan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi pada 8 Mac 2011. Program ini adalah untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang mempunyai pencapaian akademik yang baik, potensi intelek yang tinggi dan berbakat. Program ini dimulakan pada Mei, 2012. Pelajar lepasan Program ASASipintar UKM akan melanjutkan pengajian bagi peringkat Sarjanamuda di Universiti Awam di Malaysia dalam pelbagai bidang pengajian berdasarkan pencapaian keputusan peperiksaan mereka dan juga keputusan temuduga fakulti. Dua laluan permohonan ke peringkat Sarjanamuda boleh dilakukan oleh pelajar bermula tahun 2021, iaitu laluan permohonan ke fakulti UKM (kecuali Fakulti Pengajian Islam) dan laluan permohonan melalui UPU online. Keputusan penerimaan permohonan pelajar adalah bergantung sepenuhnya kepada keputusan muktamad fakulti-fakulti yang dipohon.

Program ASASipintar UKM menekankan kepada perkembangan pelajar yang holistik bagi memastikan kesemua aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial pelajar dapat dipertingkatkan. Program ini menawarkan kurikulum yang menekankan kepada gabungan teori dan amalan serta kursus penyelidikan yang dapat memantapkan kebolehan mereka menjalankan pelbagai penyelidikan dalam bidang yang diminati. Pembudayaan ilmu yang mencabar serta inovasi terkini menjadi tunggak kepada program ASASipintar.

STRUKTUR KURSUS

| Semester 1 | |
|------------|------------------------------------|
| Kod Kursus | Kursus |
| PNAP0113 | Biologi I |
| PNAP0123 | Fizik I |
| PNAP0133 | Kimia I |
| PNAP0143 | Penaakulan Mantik |
| PNAP0154 | Statistik |
| PNAP0164 | Kemahiran Penyelidikan |
| PNAP0173 | Apresiasi Bahasa dan Kesusasteraan |
| PNAP0193 | Pembangunan Jati Diri Kebangsaan |

| Semester 2 | |
|------------|----------------------------------|
| Kod Kursus | Kursus |
| PNAP0213 | Biologi II |
| PNAP0223 | Fizik II |
| PNAP0233 | Kimia II |
| PNAP0246 | Vektor Kalkulus |
| PNAP0263 | Projek Penyelidikan |
| PNAP0283 | Analisis Kritikal Isu Semasa |
| PNAP0293 | Kepimpinan dan Membuat Keputusan |

TEMPOH PENGAJIAN

- Satu tahun (Julai/ Ogos tahun semasa - Jun/ Julai tahun berikutnya)
- Mohon masuk Program ASASipintar UKM melalui: <https://upu.mohe.gov.my/>

YURAN PENGAJIAN

| Yuran | Yuran SEMESTER 1 (RM) | Yuran SEMESTER 2 (RM) |
|---|-----------------------|-----------------------|
| Pendaftaran | 665.00 | - |
| Pengajian | 830.00 | 830.00 |
| Penginapan (Kadar yuran kolej penginapan berbeza mengikut jenis bilik dan kolej) | Anggaran 3.50/ hari | Anggaran 3.50/ hari |
| Yuran Aktiviti Kolej | 50.00 | 50.00 |
| JUMLAH (anggaran kasar) = RM3500 | 2100.00 | 1400.00 |
| *tertakluk kepada perubahan yuran penginapan setiap semester | | |

TESTIMONIAL ALUMNI ASASipintar

"The environment where people are very intellectually alike has made me feel 'normal' for once. I can geek around with my friends talking about ideas and scientific theories during lunchtime. I also learnt a lot of life lessons from volunteering work, teamwork and handling events while I was in the program. In all, spending 1 year in ASASipintar, a choice I would never regret."

Justin Aizad, ASASipintar 2014 - 2015

"The extended learning in this program such as conducting research and taking Critical Analysis of Current Issues course has taught me how to manage my time properly and juggling various responsibilities in a university environment. It is a thrilling experience alongside awesome friends and helpful lecturers."

Aizat Tarmizi, ASASipintar 2015-2016

"I choose to learn from the best. ASASipintar is a great program where students are trained to think in the ways that others won't and achieve what others can't."

Lee Xin Qin, ASASipintar 2014-2015



Hubungi Kami:

Alamat:

Ketua Program ASASipintar,
PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Telefon: +603 8921 7512/7513/7516/7517

Faksimile: +603 8921 7525

E-mel: asasipintar@ukm.edu.my

Laman web:

<https://www.ukm.my/geniuspintar/asasipintar-ukm/>

Media sosial:



GENIUSpintar

